

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 15
 RUANGAN : NEGARA



TIAN SOON (dua kanan) semasa melawat Klinik Desa Bakar Batu di Johor Bahru semalam.

Klinik Desa Bakar Batu akan dinaik taraf

JOHOR BAHRU – Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) akan menaik taraf dan memperbaiki bangunan bersebelahan Klinik Desa Bakar Batu, di sini yang didakwa sebagai bangunan berhantu oleh penduduk setempat.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Ling Tian Soon berkata, bangunan itu akan digunakan sebagai bangunan tambahan kepada klinik desa berkenaan.

Katanya, langkah itu sebagai salah satu usaha JKNJ meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan buat penduduk Johor.

"Baru-baru ini tular sebuah video dengan rakaman bangunan terbiar di sebelah Klinik Desa Bakar Batu, Johor Bahru yang diktakan sebagai 'rumah hantu'.

"Bagaimanapun, pihak yang

membuat hantaran tersebut mungkin salah faham bahawa bangunan terbiar itu pada asalnya digunakan sebagai kuarters dan telah terbengkalai selama bertahun-tahun.

"Sehubungan itu, JKNJ ber-cadang mengubah bangunan terbiar tersebut untuk dijadikan sebagai ruang tambahan bagi meluaskan klinik sedia ada," katanya selepas melakukan lawatan kerja ke klinik itu semalam.

Ujar Tian Soon, Klinik Desa Bakar Batu yang terletak bersebelahan dengan kuarters terbiar itu telah dinaik taraf pada tahun 2010 bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat pada ketika itu.

"Saya mengharapkan perkongsian yang dibuat diselidik terlebih dahulu, mendedahkan

maklumat penuh kepada umum, kerana perkongsian tidak lengkap ini telah menimbulkan salah faham orang ramai yang menganggap bahawa klinik tersebut daif.

"Bagaimanapun, saya ucapkan terima kasih kepada semua rakyat Johor atas keprihatinan mereka terhadap kemudahan perubatan di negeri ini," jelasnya.

Beliau turut memberitahu bahawa Johor telah menerima pembiayaan berjumlah RM13 juta bagi menaik taraf 29 klinik sepanjang tahun lalu.

"Kami akan terus berusaha memastikan kemudahan kesihatan lama diperbaiki dan dinaik taraf supaya rakyat Johor boleh mendapat penjagaan kesihatan yang lebih baik pada masa depan," tambahnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

10

NASIONAL

SINAR HARIAN • RABU 21 FEBRUARI 2024

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

TELUS & TULUS • TIDAK DICENGKAM OLEH TANGAN GHAIB • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Risiko masalah kesihatan jika guna air tercemar

Pembuangan sisa ternakan ke dalam sungai jejas kualiti air dan udara

Oleh NOR SYAMIRA LIANA
NOR ASHAHA
SHAH ALAM



Laporan Sinar Harian pada Selasa.

Penduduk tempatan yang tinggal berhampiran sungai tercemar berisiko untuk mengalami masalah kesihatan seperti gatal kulit dan gangguan saluran pernafasan jika terdedah kepada sumber air berkenaan selain daripada bau busuk yang menyeksakan.

Pensyarah Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Yusoff Ishak berkata, ia disebabkan bahan buangan atau efluen yang disalurkan terus ke sungai telah menjejaskan kualiti air dan udara.

"Masalah ini bukan setakat pencemaran air yang menjejaskan kesihatan manusia malah memberi kesan kepada haiwan dan tumbuhan sekeliling serta turut melibatkan pencemaran udara melalui bau busuk.

"Bagi haiwan akuatik terutamanya, habitat mereka akan musnah disebabkan gangguan pada rantaian makanan. Ini seterusnya mendorong kepada kemerosotan biodiversiti dan kerosakan habitat secara kekal.

"Seterusnya, risiko lanjut adalah terhadap tanaman diusahakan penduduk akan

sukar tumbuh dengan subur akibat pencemaran air bawah tanah," katanya kepada Sinar Harian pada Selasa.

Pada Isnin Sinar Harian melaporkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah mengesan berlakunya kegiatan melepaskan sisa ternakan disyaki dari ladang yang menyebabkan pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah.

Mohd Yusoff berkata, kebiasaannya efluen ladang ternakan tinggi dengan kandungan logam berat dan sebatian aktif hasil daripada penggunaan ubatan serta hormon haiwan. "Pencemaran air perlu dirawat dengan sempurna dan jika tidak logam berat ini akan kekal rintang dalam kitaran makanan.

"Sekiranya kita makan (ikan atau tumbuhan akuatik) ia akan dipindahkan ke dalam tubuh badan kita dan akan bioakumulasi dalam jangka masa panjang," ulasnya.

Mohd Yusoff turut menegaskan bahawa pengusaha ladang ternakan perlu lebih bertanggungjawab terhadap masyarakat setempat dan alam sekitar dalam menjalankan aktiviti penternakan mereka.



MOHD YUSOFF

Penduduk tidak perlu bimbang - Exco

BUKIT MERTAJAM - Pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah, Kedah akibat pelepasan sisa ternakan di perkampungan Sungai Lembu di sini tidak memberi kesan secara langsung kepada penduduk sekitar.

Exco Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang, Fahmi Zainol berkata, kawasan pencemaran yang dikesan ter-

letak sejauh 14 kilometer dengan Loji Rawatan Air Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang.

"Memang terdapat pencemaran air menerusi sisa ternakan, namun ia tidak memberi kesan kepada sumber air yang dirawat di kedua-dua negeri Pulau Pinang dan Kedah," katanya.

Justeru, beliau menyeru orang awam tidak khuatir dengan kebersihan air itu.

Penjaja guna pewarna terlarang pada ikan

KOTA KINABALU - Seorang penjaja disyaki meletakkan pewarna terlarang pada ikan yang dikesan dalam operasi dilaksanakan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) di Pasar Malam Inanam pada Isnin.

Susulan itu, ikan berkenaan telah diambil untuk dijadikan sampel bagi mengenal pasti keberkesanan pewarna tersebut.

Ketua Pengarah DBKK, Junainah Abbie berkata, sampel ikan tersebut dibawa ke makmal oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan laporan ujian ke atas sampel akan dikemukakan kepada Jabatan Kesihatan Persekitaran Bandaraya (JKPB) untuk tindakan lanjut.

"Operasi Bahagian Pengurusan Penjaja bersama KKM dan JKPB DBKK bermula jam 7 hingga 9.30 malam di Pasar Malam Inanam mendapati terdapat seorang penjaja disyaki meletakkan pewarna terhadap ikan yang dijualnya.

"Kita masih menunggu laporan terperinci oleh makmal KKM kemungkinan besar akan diperolehi dalam tempoh terdekat, sekiranya terbukti tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga ikan tersebut," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Junainah berkata, operasi itu turut disertai KKM bagi mengesan peniaga yang tidak mematuhi peraturan ditetapkan berdasarkan laporan daripada orang ramai.

"DBKK bersama KKM akan memperluaskan lagi operasi ini bagi memastikan peniaga ikan mematuhi arahan sekali gus bebas daripada menggunakan bahan pewarna terlarang," jelasnya.

Sebelum ini, tular satu hantaran di Facebook yang mendakwa terdapat ikan yang dijual di Pasar Malam Inanam diletakkan pewarna bagi memastikan ikan tersebut kelihatan lebih segar.

Hantaran tersebut meminta orang ramai berhati-hati supaya tidak tertipu ketika membeli ikan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : FORUM

18

Utusan Malaysia
RABU • 21 FEBRUARI 2024

Hantar aduan/cadangan/pend

Staf hospital kerajaan burnout?

SAUDARA PENGARANG,

INI bukanlah untuk menagih simpati tapi untuk menentang realiti yang dihadapi kakitangan hospital, khususnya di Jabatan Kecemasan sebuah hospital.

Jabatan kami baru-baru ini kecoh atas kematian seorang pesakit disebabkan kecuai rawatan yang diberikan. Hakikatnya, kami sangat, sangat letih.

Pertambahan jumlah penduduk dengan percambahan taman perumahan menyebabkan bilangan pesakit di jabatan kami adalah sangat sesak untuk menampung jumlah pesakit dalam satu-satu masa.

Masa bekerja kami terpaksa dibahagikan untuk merawat pesakit-pesakit baharu dan yang masih terkandas di Jabatan Kecemasan.

Solusinya, kami diarahkan untuk bekerja lebih masa. Ya, lebih masa dengan kudrat yang masih bersisa ini, kami dikerah untuk bekerja. Dari pegawai perubatan, paramedik hingga ke staf bawahan.

Waktu bekerja syif ini, tidak mempunyai masa rehat atau makan, malah untuk ke bilik air juga kadang tidak sempat. Bukan itu sahaja, tuntutan elaan lebih masa juga dipotong dan tidak dibenarkan dituntut melebihi dua per tiga dari gaji asas. Adakah ini adil saudara?

Pihak atas hospital sangat jarang turun padang untuk mengatasi masalah ini. Jika adapun, hanya untuk membentak dan mencari kesalahan kami.

Pihak Kementerian Kesihatan (KKM) yang turun padang hanya menambah bebanan kepada kerja kami. Sepatutnya mereka harus mencari jalan untuk mengatasi masalah sumber manusia dan kekurangan fasiliti yang semakin meruncing.

Bagaimanakah kami mahu memperkasakan motto KKM 'kami sedia membantu' jika kami dilayan sedemikian rupa.

Percayalah, kami mahu berkhidmat seikhlas hati tetapi bebanan kerja kami menyebabkan keletihan yang melampau.

Ramai rakan seperjuangan yang telah letak jawatan dan memilih sektor swasta untuk berkhidmat. Adakah ini yang kita mahu untuk rakyat semua?

STAF KKM YANG TERANIAYA



MASALAH burnout dalam kalangan pengamal perubatan di hospital terus berlarutan. - UTUSAN/AFIQ RAZALI

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 33
RUANGAN : DALAM NEGERI

'Rumah hantu' jadi bangunan tambahan klinik

JOHOR BAHRU: Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) akan menaik taraf dan membaiki bangunan bersebelahan Klinik Desa Bakar Batu di sini yang digelar 'bangunan berhantu' oleh penduduk setempat.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Ling Tian Soon berkata, bangunan itu akan digunakan sebagai bangunan tambahan bagi klinik desa berkenaan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan kepada penduduk sekitar.

"Baru-baru ini tular satu video dengan rakaman bangunan terbiar di sebelah Klinik Desa Bakar Batu yang dikatakan sebagai rumah hantu.

"Bangunan terbiar itu pada asalnya digunakan sebagai

kuarters dan telah terbengkalai selama bertahun-tahun.

"Sehubungan itu, JKNJ ber-cadang mengubah bangunan terbiar tersebut untuk dijadikan sebagai ruang tambahan bagi meluaskan klinik sedia ada," katanya selepas melakukan lawatan ke klinik berkenaan di sini.

Tian Soon mengingatkan semua pihak agar segala perkongsian yang dibuat diselidiki terlebih dahulu.

Ini kerana jelasnya, perkongsian tidak lengkap boleh menimbulkan salah faham orang ramai yang menganggap klinik tersebut adalah daif.

"Namun, saya ucapkan terima kasih kepada semua rakyat Johor atas keprihatinan mereka terhadap kemudahan perubatan di negeri ini," ujarnya.



LING TIAN SOON (dua dari kanan) bersama para petugas kesihatan di Klinik Desa Bakar Batu, Johor Bahru.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 7
 RUANGAN : NATION / NEWS

DESIGNATED SMOKING AREA PROPOSAL

'KEEP COMFORT OUT OF SMOKERS' ZONE'

Those lighting up in them should have no chairs or roof and must be barred from going indoors for 45 minutes, says Fomca

KUALA LUMPUR

NO chairs, no roof — just a red outline on the ground. This is how the umbrella group for consumer groups in the country wants designated smoking areas to look like if the government insists on introducing them.

In a statement, the Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) said those who used the designated smoking areas should be barred from entering indoor spaces for 45 minutes as it takes up to 10 hours for their lungs to be clear of smoke.

Fomca Tobacco Control Coordinator Muhammad Sha'ani Abdullah said it was important that designated smoking areas support efforts to denormalise smok-

ing by making such spaces uncomfortable.

Sha'ani added that in Malaysia, non-smoking areas only covered 23 types of premises under the Control of Tobacco Product Regulations 2004.

He said this was why plans to allow designated smoking areas without a comprehensive ban on smoking would go against policies to reduce smoking.

On Monday, the National Cancer Society of Malaysia backed the Health Ministry's plan to allow designated smoking areas to be set up near eateries located in tight spaces.

NCSM managing director Associate Professor Dr M. Muralitharan described the move as a "good progression of a wider move to create more smoke-free areas in public areas".

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

Patient gets 3D printed bone mould

KOTA KINABALU: Malaysia's first 3D printed moulded heel bone replacement has been performed successfully on a patient with a rare but aggressive tumour.

A team of oncologists from the Queen Elizabeth Hospital, which carried out the operation, said the patient is recovering well with no complications.

They noted that the 3D printing method is "a very efficient and economical option" for patients, in view of financial constraints faced by government hospitals in providing replacement implants.

The preparation and surgery on Jan 24 was led by the Orthopaedic Oncology team, headed by Dr Aaron Gerarde Paul, Dr Eyrique Goh Boay Heong and Dr Tee Kok Keat.

Chief assistant medical officer Mohd Sukri Umar spearheaded the engineering component of the project with a donated 3D printer.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : VIEWS

Address overwork among doctors

THE healthcare sector, particularly within the Health Ministry, faces a growing concern over the excessive workloads of junior doctors and housemen.

This issue extends beyond the confines of hospitals and clinics because it affects the personal lives and families of healthcare workers significantly.

There is also an urgent need for employer sensitivity and development of supportive work policies for young parents in the healthcare sector.

There are several ways to combat the issue of overwork and its effects on family life.

First is the introduction of strict workload management protocols. Establishing clear guidelines on work hours is crucial to prevent burnout and ensure that healthcare professionals can achieve a healthy balance between their professional and personal lives.

Next, the establishment of on-site childcare facilities or setting up partnerships with nearby nurseries offers a tangible solution to alleviate the childcare



burden faced by working parents in the sector.

Third, the development of comprehensive health and wellness programmes is essential. Such programmes should address both the physical and mental health needs of healthcare workers, and provide them with the necessary support to thrive in both their professional and personal lives.

Fourth, adopting flexible scheduling and part-time work options for parents with young children would greatly assist in accommodating the family responsibilities of healthcare professionals.

Finally, fostering a community

and peer support system within the workplace is vital. Such a support network can offer both emotional and practical assistance to parents navigating the challenges of balancing a demanding career with family life.

The overwork crisis in healthcare demands immediate attention and action. By embracing these suggestions, managers of hospitals and clinics can cultivate a more supportive and sustainable working environment. They will not only prioritise the well-being of their employees but also ensure the delivery of high quality care to patients.

The journey towards change requires a committed effort from all the stakeholders involved. However, through collective action and the implementation of thoughtful, compassionate policies, we can forge a path to a healthier and more balanced life for our healthcare workers and their families.

TAN SRI LEE LAM THYE
Kuala Lumpur